

Pelan khas mesej keamanan sejagat

BH - 22/6/2006

Penyertaan NGO dinilai dari segi pengaruh

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana yang menganjurkan Forum Perdana Keamanan Sejagat 2006 akan merangka pelan tindakan komprehensif bagi mengupayakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh dunia membawa mesej keamanan dan antiperang.

Sehubungan itu, ia akan menilai keupayaan NGO yang ingin menyertai kempen, termasuk mengenal pasti keutuhan rangkaian dan pengaruh yang boleh digunakan bagi menyebarkan mesej antiperang.

Selain itu, sekumpulan ahli panel akan menemui pemimpin dunia bagi menyebarkan mesej berkenaan sebagai antara pendekatan strategik yang diambil dalam pelan tindakan selaras Deklarasi Kuala Lumpur 2005.

Pengerusi forum, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pihaknya akan mengatur strategi berkesan bagi membolehkan masyarakat dunia termasuk pemimpin negara maju menerima mesej bahawa perang adalah jenayah.

"Kita memilih NGO melakukan tugas itu kerana NGO secara semula jadinya adalah aktivis. Mereka adalah kumpulan yang memastikan semua perkara bergerak. Jika tidak, mereka tidak secara sukarela me-

ngambil masa dan usaha dalam sesuatu misi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir dan lima ahli panel menghadiri sesi dialog bertemakan 'Membentuk Pelan Tindakan Bagi Rangkaian Keamanan Dunia' bersama lebih 300 NGO tempatan pada hari kedua sesi khas forum di Yayasan Kepimpinan Perdana.

Lima ahli panel itu ialah Timbalan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Denis Halliday; bekas Timbalan Setiausaha Agung PBB dan Koordinator Kemanusiaan PBB di Iraq, Hans-Christof Von Sponeck serta Presiden dan Pengasas Institut Pe-

nyelidikan Dasar Nuklear (NPRI), Dr Helen Caldicott.

Turut hadir Pensyarah Undang-Undang Universiti Illinois yang juga Peguam Rekod Bagi Republik Chechen dan Ichkeria, Prof Francis A Boyle dan Pensyarah Ekonomi Universiti Ottawa, Prof Dr Michel Chossudovsky.

Dr Mahathir berkata, pihaknya akan membekalkan NGO pelbagai bahan bukti bagi mengukuhkan dakwaan meletusnya perang dunia keempat yang dikatakan lebih berbahaya kerana menggunakan senjata nuklear.

"Menerusi bukti itu, NGO boleh mempengaruhi rakan mereka dan jika pilihan raya diadakan di sesebuah negara, mereka boleh mempengaruhi rakyat tidak memilih calon yang menggunakan senjata bagi menyelesaikan konflik," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mahu menjana kekuatan seramai mungkin tenaga manusia untuk menjayakan kempen kerana mengambil kira keadaan meruncing sekarang yang memungkinkan Iran diserang Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya United Kingdom (UK).

Dr Mahathir berkata, Presiden AS, George W Bush dan rakyatnya diharapkan memahami mesej yang disampaikan forum itu supaya melupakan sebarang hasrat menyerang Iran.

“*Kita memilih
NGO melakukan
tugas itu
kerana NGO
secara
semula jadinya
adalah aktivis*”

Dr Mahathir Mohamad
Pengerusi Forum Perdana
Keamanan Sejagat 2006